

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"USAHA-USAHA juga perlu diambil untuk menghadapi ancaman yang datangnya daripada dunia siber dan media sosial, termasuk juga untuk memperkuat lagi perkongsian strategik dengan institusi-institusi keselamatan siber antarabangsa."

- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2017



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK  
5.07 5.17 6.36 6.59 12.36 3.55 6.33 7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 19

13 FEBRUARI 2017 / 1438 جمادى الاول 16

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

## Eksspo Pengajian Tinggi 2017 tawarkan pelbagai program

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Masri Osman, Pg. Amirulnizam  
Pg. Haji Mohd. Ali

**JERUDONG**, Sabtu, 11 Februari. - Eksspo Pengajian Tinggi 2017 menawarkan para pelajar yang bercita-cita untuk melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik dan maklumat lanjut mengenai institusi-institusi yang mengambil bahagian serta program-program yang ditawarkan.

Eksspo kali kedua itu menyatukan kesemua institusi pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi kerajaan, swasta dan antarabangsa dalam satu bumbung sebagai landasan kepada orang awam dan pelajar untuk meneroka peluang-peluang pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi sama ada dalam negeri maupun luar negara.

Berangkat menyempurnakan perasmian Eksspo Pengajian Tinggi 2017, ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Dewan BRIDEX 1 dan 2, dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Ke muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan dijunjung menyaksikan pameran dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) semasa Eksspo Pengajian Tinggi 2017.

- Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.



## Bersatu amalkan cara hidup sihat

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Februari. - Rakyat dan penduduk yang sihat akan membawa kemakmuran kepada negara.

Dengan berpegang teguh kepada agama dan adanya nilai keBruneian yang tinggi, rakyat dan penduduk negara ini akan menjadi sumber tenaga manusia yang lebih berdaya tahan dan produktif.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Zulkarnain bin Haji Hanafi berkata, ini akan meningkatkan daya saing dan kedadahan ekonomi negara yang akan memberikan kesan kepada tahap pendidikan, kemahiran, inovasi dan peningkatan pelaburan di negara ini.

"Hasrat untuk mempunyai rakyat yang sihat adalah tanggungjawab kita bersama. Dalam erti kata lain, impak terbesar ke arah mempunyai rakyat sihat hanya akan terjadi apabila setiap individu, kumpulan, ketua masyarakat, agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGOs di negara ini bersatu dalam mengamalkan cara dan gaya hidup yang sihat," tegas Yang Berhormat pada Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Bilik Kuliah, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Menurut Yang Berhormat, inilah gambaran *culture of health* ataupun 'membudayakan kesihatan' di mana *culture of health* mempunyai interpretasi yang berlainan bagi setiap orang dan ia mungkin bermakna cara hidup seseorang atau masyarakat yang sihat, akses mudah kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi ataupun mudahnya untuk mendapatkan pilihan makanan yang sihat.

Yang Berhormat menyatakan, *culture of health* akan memastikan

bahawa kesihatan akan menjadi keutamaan dalam semua aspek kehidupan kita baik dari segi pemakanan, pendidikan, pekerjaan, pergaulan dan sebagainya;

memastikan semua individu dan keluarga adalah mempunyai peluang untuk membuat pilihan yang membawa kepada gaya hidup sihat.

Ke muka 6



Muka 4



Muka 12

JPMC rai pelanggan sempena Tahun Baharu Cina

Pendekatan alternatif pengajaran dan pembelajaran Matematik

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept\_bn



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Bismillahir Rahmannir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**K**ITA bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat berkumpul pada pagi ini di Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3 bagi menyempurnakan pengijazahan dan meraikan kejayaan para pelajar yang telah lulus di dalam pengajian masing-masing.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua graduan yang diraikan pada pagi ini kerana telah berjaya menamatkan bidang pengajian masing-masing. Setentunya, kejayaan ini tidaklah dapat dicapai tanpa usaha gigih dan komitmen tinggi dari para pelajar, dorongan semangat dari ibu bapa dan penjaga serta tunjuk ajar yang gigih dari para tenaga pengajar.

Alhamdulillah, tahun ini merupakan ulang tahun penubuhan Politeknik Brunei yang kelima. Saya mengambil maklum sehingga kini Politeknik Brunei telah berjaya mengeluarkan seramai 907 orang graduan dan pada hari ini, pula kita akan sama-sama meraikan seramai 375 orang graduan yang akan dianugerahkan sijil diploma mereka masing-masing.

Ini merupakan satu tanda positif yang menunjukkan bahawa Politeknik Brunei turut memainkan peranan yang kritikal terhadap usaha Kementerian Pendidikan dalam mencapai Wawasan Negara 2035, iaitu mempunyai rakyat yang berkaliber, berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Ini juga adalah selaras dengan Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan 1.5 yang dihasrat untuk mencapai sasaran yang sentiasa meningkat bagi kemasukan ke dalam pendidikan pasca menengah termasuk ke Politeknik Brunei.

Dalam pada itu, para graduan harus bersyukur dengan kejayaan yang diraikan ini dan niat yang murni dan ikhlas untuk sama-sama membangun dan memajukan Negara Brunei Darussalam perlu ditanamkan di dalam jiwa raga masing-masing. Para graduan juga perlu bersikap berfikiran terbuka dan berpandangan jauh ke hadapan serta akan terus gigih dan komited apabila melangkah keluar alam kampus pengajian. Sikap berfikiran terbuka ini adalah sangat penting terutama di dalam menghadapi keadaan ekonomi dan *political landscape* global pada masa ini.

Selain daripada memiliki sikap-sikap yang saya nyatakan tadi, saya berharap agar para graduan menanamkan semangat inovatif, dan mencari peluang untuk meneroka peluang-peluang yang ada di luar, umpannya menerokai dunia keusahawanan. Pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai platform bagi memudahkan ke arah ini, dan para graduan perlu bersikap berdikari dan proaktif dalam mengambil kesempatan yang ada. Pergunakanlah juga ilmu dan kemahiran yang telah ditimba di Politeknik Brunei sebagai asas kekuatan dalam pencarian dan penerokaan biskita.

Alhamdulillah, saya mengambil maklum bahawa Modul 'Entrepreneurship' diperkenalkan seawal lagi, iaitu pada tahun pertama pengajian bagi pelajar-pelajar Politeknik Brunei Diploma Level 5. Ini satu

# Tanamkan semangat inovatif, terokai dunia keusahawanan



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3 Tahun 2017 pada hari Khamis, 26 Januari 2017 Masihi di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.**

usaha bijak pihak Politeknik Brunei dalam memberikan bimbingan serta dorongan kepada para pelajar untuk lebih bersedia dalam menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian.

Saya ingin menyarankan agar Modul 'Entrepreneurship' yang ditawarkan ini akan menerapkan satu platform penghubung di antara Politeknik Brunei dengan platform perkembangan keusahawanan yang ada di luar kampus umpannya bersama Darussalam Enterprise (DARe), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEBD) dan pihak perbankan dan sebagainya. Melalui pelajar akan lebih yakin dalam memulakan perniagaan dengan kefahaman yang mendalam mengenai dunia keusahawanan di negara ini atau peluang-peluang di luar negara. Saya amat berharap agar modul atau platform seperti ini dapat dilaratkan kepada alumni Politeknik Brunei agar mereka juga mempunyai peluang yang sama atau dapat meningkatkan diri mereka dengan lebih yakin.

Dengan usaha-usaha seperti ini kita akan dapat menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi negara kita untuk melahirkan lebih ramai ahli perniagaan dari kalangan anak tempatan sebagaimana titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmii Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-10 Majlis

Mesyuarat Negara pada tahun 2014.

Maka dengan hubungan ini, sekali lagi saya menasihatkan agar para graduan akan dapat mengambil peluang-peluang yang ada sama ada di Politeknik Brunei atau mana-mana agensi, untuk membekalkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan tambahan bagi mencuba bidang perusahaan yang diminati masing-masing.

Menyentuh mengenai usaha Politeknik Brunei bagi memastikan keberkesanan kurikulum dan isi kandungan program-program yang diajarkan mengikut peraliran masa dan keperluan pihak industri pekerjaan, saya mengambil maklum bahawa institusi ini sentiasa mendapatkan nasihat dari pelbagai pihak, terutamanya bagi program di bawah bidang Sains dan Kejuruteraan.

Program 'Advisory Committee' merupakan satu langkah yang baik, dan saya menyarankan bagi usaha pemelbagaian ahli-ahli jawatankuasa berkenaan, dan seterusnya untuk memberikan petunjuk dan nasihat: bidang-bidang terkini yang perlu ditawarkan agar Politeknik Brunei dapat melahirkan graduan-graduan yang dikehendaki dalam era Revolusi Industri Ke-4. Ini bukan sahaja terhad kepada bidang perdagangan, teknologi maklumat dan komunikasi atau sains kesihatan yang diperlukan sekarang, tetapi memastikan graduan masa datang akan keluar dari Politeknik dengan kekuatan ilmu dan kemahiran yang relevan dengan kehendak dunia VUCA - Volatile, Uncertain, Complex and Ambiguous (iaitu dunia yang tidak menentu, tidak pasti, tidak jelas dan kompleks) yang kita akan terus lalui.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Konvokesyen Ke-28 Universiti Brunei Darussalam telah menitahkan bahawa perlunya institusi pengajian tinggi di negara ini untuk memastikan program-program yang ditawarkan akan sentiasa relevan dan berkualiti, bagi pengeluaran para graduan yang marketable dan future ready. Program 'Advisory Committee' adalah selaras dengan titah baginda ini, dan pihak Kementerian Pendidikan menyokong sepenuhnya program sebegini.

Pada waktu yang sama, perancangan penawaran program-program di bawah Politeknik Brunei juga perlu selaras dengan program-program yang ditawarkan di institusi-institusi pengajian lain, seperti di IBTE dan universiti-universiti tempatan. Ini adalah dalam memastikan kesinambungan pengkhususan pengajian bidang-bidang berkenaan dan memberikan peluang-peluang pelanjutan pengajian, dan seterusnya mencapai hasrat inisiatif pembelajaran sepanjang hayat ataupun *lifelong learning*.

Ke muka 4

## Dari Sidang Pengarang.

13 FEBRUARI 2017 BERSAMAAN 1438 16 جمادى الاول

### KEBERSIHAN TUNTUTAN ISLAM, JAMIN KEHARMONIAN

**M**ENJAGA kebersihan amat dituntut dalam Islam. Islam menganjurkan untuk sentiasa mengamalkan kebersihan, iaitu kebersihan diri, keluarga, tempat tinggal, tempat beribadat, tempat awam dan sebagainya.

Kebersihan diri, bukan setakat menjaga kebersihan luaran sahaja, tetapi juga kebersihan hati nurani dari sifat kufur dan segala perkara yang boleh membawa pada bahaaya dan dosa seperti perbuatan mensyirikkan dan menyekutukan Allah Subhanah Wata'al.

Menjaga kebersihan rohani ialah menjauhkan diri dari sifat-sifat mazmumah (sifat-sifat tercela) seperti hasad dengki, somborg, bangga diri, riak dan seumpamanya. Kebersihan rohani boleh menjadikan kita insan yang berakhlik mulia dan terpuji.

Menjaga kebersihan jasmani pula adalah menghindari diri dari mendapat penyakit kerana kekotoran merupakan antara punca penyebab terjadinya penyakit. Oleh itu, kita tidak boleh mengabaikan kedua-dua aspek kebersihan, iaitu kebersihan nurani dan jasmani.

Abu Malik Al-Shahri, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Kebersihan itu sebahagian daripada iman. Sesungguhnya agama Islam juga menitikberatkan kebersihan dalam mengerjakan amal ibadat."

Allah menyukai hamba-Nya yang sentiasa menyuci diri sebelum melakukan ibadat seperti sembahyang. Seseorang itu hendaklah memastikan diri, pakaian dan tempat sembahyangnya dalam keadaan bersih dan suci dari segala najis.

Membudayakan amalan hidup bersih bermula dari rumah. Oleh itu, ibu bapa hendaklah membimbing dan mengajar anak-anak sejak dari kecil lagi. Ibu bapa juga hendaklah mempraktikkan amalan kebersihan di hadapan anak-anak.

Kebersihan luar rumah juga perlu diambil perhatian dan elakkan sehingga mengganggu jiran dan orang lain. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan utama dalam memastikan agar dapat melahirkan generasi yang sihat dan cergas pada masa hadapan.

Budaya dan amalan kebersihan akan menjadikan sesebuah negara itu disanjung tinggi di mata dunia. Salah satu amalan kebersihan yang menjadi kebanggaan masyarakat kita ialah budaya bertongtong-royong.

Kerjasama semua pihak pastinya sangat diharapkan. Usaha bertongtong-royong hendaklah diteruskan dari semasa ke semasa untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan orang ramai tentang pentingnya kebersihan.

Ini bagi menghindarkan timbulnya pelbagai penyakit selain memupuk perpaduan dan mengerat silaturahim dalam kalangan penduduk mukim dan kampung. Berikut antara inti sari yang dapat diambil dari Khutbah Jumaat, keluaran 10 Februari 2017.

Menjaga kebersihan sangat penting dalam kehidupan, jadikanlah ia sebagai amalan, jadikanlah masyarakat pentingkan kebersihan, kebersihan melambangkan keteguhan iman. Islam anjurkan sentiasa amalkan kebersihan, kerana suasana tenang kebersihan berikan, kesihatan terjamin dan kesejahteraan berpanjangan, selain keharmonian dalam masyarakat juga terjamin.

- Ketua Penyuntingan (Nb).



## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."*

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	ISNIN	16	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
14	SELASA	17	5.07	5.17	6.36	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
15	RABU	18	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
16	KHAMIS	19	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
17	JUMAAT	20	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
18	SABTU	21	5.06	5.16	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
19	AHAD	22	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

# Ekspo Pengajian Tinggi 2017 tawarkan pelbagai program



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan merasmikan Ekspo Pengajian Tinggi 2017.

## Dari muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar bagi memberkati majlis.

Sejurus selepas mengurniakan sabda perasmian, DYTM dijunjung berangkat untuk menyaksikan pameran yang mengetengahkan institusi-institusi pengajian dari dalam dan luar negara.

Institusi-institusi kerajaan

tempatan yang terlibat dalam menyertai pameran berkenaan adalah Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Manakala institusi tempatan swasta yang menyertai terdiri daripada Kolej Perniagaan Laksamana, Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (IGS), Kolej Antarabangsa Micronet, Kolej Perdagangan dan Teknologi



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan melawat pameran yang disembahkan oleh Universiti Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan dijunjung menyaksikan salah satu pameran yang terdapat di sana sejurus perasmian Ekspo Pengajian Tinggi 2017.

Cosmopolitan, Institut Kemuda dan Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants

(BICPA).

Ekspo juga disertai oleh institut pengajian tinggi antarabangsa termasuk Glasgow Caledonian University, RMIT University, Michigan State University, INTI College, University of Nottingham, Asia Pacific University of Technology and Innovation, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan SEGI University.

Sementara itu, agensi-agensi tempatan yang terdiri dari Darussalam Enterprise (DARE), Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad (BSP) dan E-Village di bawah Agenda Keusahawanan Kebangsaan, Kementerian Pendidikan turut menyertai pameran ekspos berkennaan.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan pula diwakili oleh Bahagian Biasiswa, Bahagian Pengajian Tinggi - khususnya Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan; Sistem Pusat Kemasukan ke Pengajian Tinggi (HECAS) dan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan.

Ekspo berkenaan adalah inisiatif pihak Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan kemasukan pelajar ke peringkat pasca menengah serta meningkatkan bilangan purata graduan yang memasuki program pendidikan tinggi bagi dan seterusnya membantu pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan.

Ia diharap akan memudahkan pelajar yang cenderung atau berminat untuk berinteraksi dengan pelbagai institusi bagi mendapatkan nasihat mengenai peluang-peluang kemasukan mereka dalam satu waktu yang munasabah.



ANTARA yang hadir pada perasmian Ekspo Pengajian Tinggi 2017 ialah Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri Kabinet.

# JPMC rai pelanggan sempena Tahun Baharu Cina

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**JERUDONG**, Sabtu, 11 Februari. - Dalam mengeratkan hubungan bersama para pelanggannya, Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC) telah mengadakan perayaan rumah terbuka sempena Tahun Baharu Cina.

Majlis yang berlangsung di Parkview Hotel, Jerudong tersebut turut dihadiri oleh orang-orang kenamaan dan tetamu-tetamu khas.

Antara yang hadir, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu

Bakar bin Haji Apong.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil dari kedutaan serta pegawai dan kakitangan JPMC.

Majlis yang dianjurkan pada setiap tahun itu merupakan acara tahunan dan salah satu acara bagi mereka untuk berkumpul dan menghargai selain bersuai kenal dengan pelanggan mereka serta para pembekal, profesional kesihatan terutama dengan pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan yang sering bekerjasama dengan mereka.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong antara yang hadir pada rumah terbuka sempena Tahun Baharu Cina yang berlangsung di Parkview Hotel, Jerudong.



MAJLIS rumah terbuka sempena Tahun Baharu Cina anjuran Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC) turut dihadiri oleh orang-orang kenamaan dan tetamu-tetamu khas.

## Hayati bendera negara dan lagu kebangsaan

**MUKIM PENGKALAN BATU**, Sabtu, 11 Februari. - Seramai 145 pelajar Tahun 7 dan tenaga pengajar Sekolah Menengah Masin (SMM) menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' yang diadakan di Dewan SMM, di sini.

Taklimat berkenaan merupakan program yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Penerangan bagi sekolah-sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi seluruh negara 2017.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Timbalan Pengetua SMM, Dayang Shahidah binti Haji Sharbini.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid.

Program berkenaan diharapkan untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotisme para pelajar mengenai lagu kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Bendera merupakan lambang identiti sesebuah negara dan sesuatu bangsa, ia juga menjadi lambang kesepakatan dan perpaduan yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri perlu

mendapat pengiktirafan dan penghormatan oleh setiap bangsa dan negara di dunia.

Sementara itu, menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan menaikkibarkan bendera Negara Brunei Darussalam pula merupakan antara pendidikan awal para pelajar ke arah menimbulkan semangat kenegaraan serta kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara.

Semangat cinta kepada raja, agama, bangsa dan negara perlu disemai di peringkat generasi muda terutama pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah serta institusi pengajian tinggi.



PENUNTUT-PENUNTUT Tahun 7 Sekolah Menengah Masin semasa berdiri menyanyikan lagu kebangsaan negara sebelum taklimat tersebut dimulakan.

## HALUAN

# Tanamkan semangat inovatif, terokai dunia keusahawanan

### Dari muka 2

Saya mengambil maklum bahawa Politeknik Brunei telah berusaha untuk menjalinkan kerjasama dengan beberapa pihak antarabangsa dalam memperluaskan dan memantapkan lagi perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Brunei dalam pelbagai aspek, ini termasuk juga dalam peluang penempatan latihan pelajar di luar negeri khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Saya ingin melihat usaha ini diimplementasikan dengan sebaiknya dan akan memberi hasil bermanfaat kepada pelajar dan pemindahan teknologi. Alhamdulillah, saya juga mengambil maklum mengenai penglibatan serta usaha Politeknik Brunei dalam

aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan belia yang memang menjadi aset utama negara yang berperanan sebagai tonggak kekuatan negara selaku pewaris kepimpinan di masa akan datang. Saya berharap pihak Politeknik Brunei akan terus berusaha untuk mencari peluang-peluang serta menjalinkan bidang kerjasama dengan pihak-pihak bersesuaian sama ada ia dari institusi kerajaan mahupun swasta yang bertujuan untuk membangunkan modal insan negara yang berdaya tahan, berkemahiran dan berkualiti tinggi dan holistik demi sama-sama mencapai Wawasan Negara 2035.

Pada aspek yang lainnya, dalam kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Politeknik Brunei yang telah berjaya

menerbitkan majalah mereka yang pertama bertajuk 'Vision' baru-baru ini. Saya berharap melaluiinya Politeknik Brunei akan terus aktif dalam membarigakan inisiatif-inisiatif strategik dan aktiviti-aktiviti untuk dikongsi sama kepada semua. Mudahan jua ia akan menjadi penyemai semangat perpaduan dan penyuntik inspirasi dalam membangunkan dan memajukan Politeknik Brunei.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang diraikan pada pagi ini. Semoga dengan kejayaan ini, para graduan dapat menyumbangkan khidmat kepada ugama, bangsa dan negara. Saya penuh harapan agar graduan akan sentiasa mengutamakan nilai jati diri

yang tinggi yang berpaksikan falsafah negara kita Melayu Islam Beraja, agar para graduan akan lebih sempurna menjadi rakyat yang taat, komited, berdedikasi, amanah, jujur dan setia kepada negara dan semoga maju jaya dalam apa-apa pun diceburi selepas ini.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengurus Majlis dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3, yang menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat di majlis yang penuh bermakna ini. Saya juga tidak lupa erakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga Politeknik Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Lembaga Pengelola, Ahli-Ahli Senat, pegawai-pegawai utama, pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai dan kakitangan Politeknik Brunei dan semua yang terlibat di atas segala sumbangan dan khidmat mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua akan membala mereka dengan ganjaran-Nya yang berlipat ganda.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pengurus Majlis dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3, yang menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat di majlis yang penuh bermakna ini. Saya juga tidak lupa erakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga Politeknik Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Lembaga Pengelola, Ahli-Ahli Senat, pegawai-pegawai utama, pensyarah-

pensyarah, pegawai-pegawai dan kakitangan Politeknik Brunei dan semua yang terlibat di atas segala sumbangan dan khidmat mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua akan membala mereka dengan ganjaran-Nya yang berlipat ganda.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# Imarahkan masjid dengan sembahyang berjemaah



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud hadir pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkah di Masjid Omar 'Ali Saifuddien kelolaan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Februari. - Masjid adalah rumah Allah dan menghadirkan diri beribadah ke masjid serta mendirikan

sembahyang berjemaah itu mempunyai kelebihan daripada berbanding sembahyang bersendirian. Program Masjidku Makmur, Negara

Berkat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien kelolaan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiyah (PDI) dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam dengan kerjasama Masjid Omar 'Ali Saifuddien merupakan satu program mingguan dan ajakan bagi

mengalu-alukan jemaah meningkatkan kehadiran bagi memakmurkan masjid dan seterusnya bersama-sama secara istiqamah mendirikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di masjid.

Ia turut memberikan peluang kepada para pengunjung bersempena acara Bandarku Ceria, memulakan langkah dan keceriaan hari mereka dengan meriah keberkatan melalui penyempurnaan menuaikan tuntutan sembahyang fardu berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang dan kegiatan keagamaan yang telah diaturkan.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Datin serta diserikan lagi dengan kehadiran peserta-peserta dari Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Tazkirah agama bertajuk 'Fit or Faith' (Kecergasan atau Keimanan) yang disampaikan oleh penceramah dari PDI, Awang Isham bin Haji Ismail, antaranya menyentuh kelebihan memperkasakan iman, selain mengejar kecerdasan untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Beliau turut menegaskan semasa bersukan dalam menjaga kecerdasan tubuh badan,

adalah diwajibkan bagi seseorang Muslim itu menjaga dan menutup auratnya.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Maikurnya masjid-masjid di negara ini, adalah antara landasan kita bagi menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi diri kita, keluarga juga negara.



TAZKIRAH agama bertajuk 'Fit or Faith' (Kecergasan atau Keimanan) disampaikan oleh penceramah dari PDI, Awang Isham bin Haji Ismail.

## Ceramah motivasi untuk pelajar hadapi peperiksaan



CERAMAH Motivasi yang disampaikan oleh penceramah, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Ghafor dengan Ceramah Motivasi yang bertajuk 'Siapalah aku' untuk murid-murid Tahun 6 (atas), sementara gambar kanan dan bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Berita dan Foto :  
Ihsan Dayang Faridah Haji Ibrahim

**MUKIM LUMAPAS**, Jumaat, 10 Februari. - Enam buah Sekolah Rendah telah bergabung dan bersatu padu untuk menganjurkan Ceramah Motivasi yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Lumapas, di sini.

Sekolah-sekolah tersebut terdiri dari Sekolah Rendah Putat, Sekolah Rendah Lumapas, Sekolah Rendah Junjungan, Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid (NAR) Menunggol, Sekolah Rendah Lumapas, Sekolah Rendah Kasat dan Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Ketua Kluster 3,

Dayang Siti Hawa binti Haji Mat Noor.

Turut hadir, Ketua Kampung Putat, Awang Haji Jumat bin Akim; Ketua Kampung Junjungan, Awang Haji Tahir bin Haji; Guru-guru Besar; guru-guru; ibu bapa dan murid-murid dari sekolah-sekolah tersebut.

Terdahulu bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Haji Azhar bin Hamzah diikuti dengan Ceramah Motivasi yang disampaikan oleh penceramah, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Ghafor dengan Ceramah Motivasi yang bertajuk 'Siapalah aku'. Majlis diteruskan dengan ucapan



alu-aluan daripada Ketua Kluster 3, Dayang Siti Hawa disusuli dengan aktiviti 'Top UP'.

Aktiviti tersebut dikhaskan untuk ibu bapa murid-murid Tahun 6 yang dikendalikan oleh guru-guru Tahun 6 Sekolah Rendah Putat.

Ceramah Motivasi tersebut diadakan sebagai persiapan awal kepada murid-murid untuk bersedia dalam menghadapi peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Selain itu ianya juga bertujuan untuk mengajak murid-murid untuk mengenal kewajipan masing-masing terhadap diri juga tanggungjawab dalam pembelajaran, selain dapat memberi semangat kepada para pelajar untuk terus berusaha dan dapat mengetahui kekuatan yang ada, di samping membuka minda ibu bapa akan kepentingan pelajaran juga cara mengenal diri dan anak masing-masing.



# Muzakarah Menteri Kesihatan bersama Ahli-Ahli MMN



SESI Muzakarah di antara Kementerian Kesihatan dan Ahli-Ahli MMN diadakan secara dialog dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi dan Ahli-Ahli MMN yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Februari. - Kementerian Kesihatan telah mengadakan Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dalam menekankan tiga keutamaan strategik kementerian berkenaan ke arah mencapai objektif Wawasan Brunei 2035 dan visi 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.

Hadir mempengerusikan Sesi Muzakarah yang berlangsung di Bilik Kuliah, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di sini bagi Kementerian Kesihatan, ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Sementara itu, seramai 20 Ahli MMN menghadiri Sesi Muzakarah yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Tiga keutamaan strategik kementerian, iaitu menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua (*health is everyone's business*); mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs) dan memberikan perkhidmatan cemerlang melalui penyepaduan (*consolidation*)

dan pensemajaran (*realignment*) perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan demi memberikan nilai tambah kepada para pelanggan ataupun orang awam dan mengurangkan serta menghentikan pembaziran (*wastages*).

Muzakarah diisikan dengan Sesi Taklimat mengenai perkembangan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan, cabaran-cabaran dan usaha-usaha terkini yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

Taklimat disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar), Dr. Hazri bin Haji Kifle dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin.

Sesi Muzakarah yang diikuti dengan Sesi Dialog di antara Ahli-Ahli MMN dan pihak Kementerian Kesihatan itu diadakan dalam suasana silturahim, muhibah dan terbuka bagi berkongsi idea, maklumat, isu, pandangan dan cadangan yang sudah setentunya akan memberi manfaat pada Kementerian Kesihatan dalam usahanya meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

# Bersatu amalkan cara hidup sihat

## Dari muka 1

Selain itu, tambah Yang Berhormat memastikan setiap lapisan masyarakat mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan tanpa mengira taraf sosial dan demografi dan memastikan keputusan dan apa juar dasar adalah dibuat demi memastikan kesihatan dan gaya hidup sihat akan dapat dipupuk bersama.

Apapun jua pemahaman kita tentang *culture of health* ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menekankan bahawa, kesihatan yang baik itu adalah tanggungjawab kita bersama dan ini setentunya memerlukan semua pihak untuk berganding bahu dalam sama-sama meningkatkan kesedaran dan nilai-nilai kesihatan di semua peringkat masyarakat.

"Perubahan sesuatu budaya mungkin saja mengambil masa tetapi kita tidak boleh berdiam diri sahaja tetapi melakukan perubahan tersebut selangkah demi selangkah mulai dari diri kita sendiri. Contohnya, mulai hari ini, kita boleh melakukan sekurang-kurangnya satu atau keempat-empat tabiat sihat ataupun *healthy behaviors*,

seperti berhenti merokok, jika merokok; makan secara bersederhana (*wisely and moderately*) - pastikan setengah pinggan dipenuhi buah dan sayur manakala suku daripada dipenuhi dengan karbohidrat seperti nasi dan suku lagi dipenuhi dengan protein seperti ikan, daging atau telur," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, pastikan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran sekurang-kurangnya lima *portions* dalam sehari dan melakukan aktiviti fizikal selama 30 minit, sekurang-kurangnya lima kali seminggu.

"Alangkah indahnya jika kita dikelilingi oleh budaya yang sihat yang dipenuhi dengan kegembiraan. Tidaklah kita semua ingin melihat anak cucu kitani generasi Brunei Darussalam, asset negara yang paling utama, dapat membesar dan hidup dengan sihat," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya menyeru kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama memikul tanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing

dalam meningkatkan kesedaran awam (*public awareness*) tentang kepentingan menjaga kesihatan dan menekankan bahawa kesihatan adalah peranan semua (*health is everyone's business*).

Terdahulu, Yang Berhormat berkata, semenjak 20 tahun kebelakangan, kadar jangka hayat penduduk negara ini telah meningkat secara purata daripada 74 tahun kepada 77 tahun.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat, nisbah kematian ibu (*maternal mortality ratio*) di Negara Brunei Darussalam pada 2015 adalah antara yang terendah di ASEAN dan kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun (*under 5 mortality rate*) bagi setiap 1,000 kelahiran (*livebirths*) pada 2014, ialah 10 orang yang mana, adalah lebih baik daripada sasaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) melalui inisiatif Matlamat Pembangunan Berdaya Tahan (*Sustainable Development Goals*), iaitu untuk mengurangkan kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun kepada 25 orang bagi setiap 1,000 kelahiran menjelang 2030.

Di sebalik pencapaian-pencapaian

ini kata Yang Berhormat lagi, Negara Brunei Darussalam masih mengalami cabaran serta beban penyakit terutamanya penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit jantung, diabetes (kencing manis) strok (angin ahmar) dan tekanan darah tinggi.

Menurut Yang Berhormat, ini adalah sangat membimbangkan kerana kelima-lima penyakit tersebut adalah punca utama kematian di negara ini dan kadar berat badan berlebihan dan obesiti di negara ini juga adalah yang tertinggi di rantau ASEAN.

"Dengan situasi yang dihadapi ini, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha memberikan tahap perkhidmatan yang terbaik apakah lagi dalam memenuhi ekspektasi pelanggan sekarang yang semakin tinggi sesuai dengan perkembangan sosial dan ekonomi rakyat dan penduduk di negara ini," tambah Yang Berhormat.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Sehubungan ini, kata Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan semenjak tahun 2016, telah melaksanakan pelbagai usaha di bawah tiga keutamaan strategik bagi tempoh 5 (2016-2020) ke arah mencapai objektif Wawasan Brunei 2035 dan visi kementerian 'Bersama Ke Arah Warga Sihat', iaitu: menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua (*health is everyone's business*); mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs); dan memberikan perkhidmatan cemerlang melalui penyepaduan (*consolidation*) dan pensemajaran (*realignment*) perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan demi memberikan nilai tambah kepada para pelanggan ataupun orang awam dan mengurangkan serta menghentikan pembaziran (*wastages*).



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bersama pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan dalam sesi bergambar ramai bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara sebelum memulakan Sesi Muzakarah di antara kedua-dua belah pihak.

# PDB tidak melindungi pegawai atau anggota terlibat rasuah



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hernie Suliana  
Haji Othman

Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini.

"Seperti yang pernah kita maklum bahawa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan Mac tahun 2015 yang lalu, adalah salah satu pembuka mata walaupun hakikatnya sangat pahit diterima, tetapi itulah kenyataannya mengenai keterlibatan pegawai dan anggota PDB serta pegawai kanan dalam melakukan

kesalahan rasuah," ujarnya.

Dari itu, bagi pihak PDB, beliau sangat berharap melalui usaha Biro Mencegah Rasuah (BMR) akan dapat membantu pasukan ini dalam memperbaiki lagi mutu pasukan berkenaan dalam membanteras apa jua kesalahan jenayah, sama ada dilakukan secara sedar atau tidak sedar terutama sekali jenayah rasuah.

Memandangkan lagi tegasnya, bahawa pasukan ini telah berjanji tidak akan melindungi mana-mana pegawai ataupun anggota yang melakukan kegiatan-kegiatan jenayah seperti itu.

Beliau turut mengingatkan semua pegawai dan anggota untuk mengambil iktibar dan peluang

dari taklimat yang disampaikan dan jika perlu ada kewahaman untuk berosal jawab apa sebenarnya yang pasukan ini harus lakukan dan bagaimana BMR dapat membantu pasukan berkenaan.

"Namun perlu diingatkan bahwa barang siapa yang melakukan sebarang kesalahan, mereka sendiri akan menanggung risikonya," tegaskan lagi.

Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy turut berharap melalui perkara ini tidak akan menjatuhkan moral pasukan, menjatuhkan integriti serta keupayaan pasukan dalam melaksanakan tugas-tugas menekan hukum dan undang-undang di

negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, ialah Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin Abdul Rashid yang juga Pengarah BMR yang kemudiannya turut menyampaikan Taklimat mengenai Pencerahan dan Penerangan Perihal Rasuah kepada seramai 180 pegawai terdiri daripada pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, ketua-ketua formasi, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dari semua unit dan bahagian di dalam jabatan PDB.

**PESURUJAYA** Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhamad Shah Al-Islam semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada sesi Taklimat Pencegahan dan Penerangan Perihal Rasuah yang diadakan di Auditorium, Ibu Pejabat Polis Gadong.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Februari. - Tindakan undang-undang serta hukuman-hukuman tertentu yang tersedia dalam perundangan negara akan diambil bagi mana-mana individu, pegawai atau anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang melakukan sebarang kegiatan jenayah termasuk jenayah rasuah.

Rasuah seperti yang kita tahu dan fahami adalah salah satu penyakit yang jika ia tidak dibendung pada masa ini sedari awal lagi, ia akan merebak seperti penyakit kanser dan akan menurunkan lagi integriti serta kemampuan PDB untuk berfungsi bagi membanteras jenayah-jenayah yang lain.

Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhamad Shah Al-Islam menegaskan perkara tersebut dalam ucapan alu-aluan pada sesi Taklimat Pencegahan dan Penerangan Perihal Rasuah yang diadakan di Auditorium,



SETIAUSAHA Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin Abdul Rashid (depan, enam dari kanan) yang juga Pengarah BMR hadir selaku tetamu kehormat majlis dalam sesi bergambar ramai.

## Awang Muhammad Aliff johan Mencipta Corak dan Warna Bas Awam



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad (dua, kiri) semasa bergambar bersama para pemenang Pertandingan Mencipta Corak dan Warna Bas Awam Negara Brunei Darussalam yang dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan (kiri), sementara gambar kanan corak dan warna bas awam yang dicipta oleh Awang Muhammad Aliff bin Haji Awang Madial.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Februari. - Awang Muhammad Aliff bin Haji Awang Madial diumumkan sebagai johan dengan membawa wang tunai sebanyak BND1,500 dalam Pertandingan Mencipta Corak dan Warna Bas Awam Negara Brunei Darussalam yang dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Perhubungan.

Naib johan disandang oleh Awangku Muhammad Radzuan bin Pengiran Hashim dengan membawa wang tunai sebanyak BND1,000 sementara pemenang tempat ketiga, Awang

Khairul Asri bin Tarip membawa wang tunai sebanyak BND500.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad pada majlis yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Al-Mahabbah, Tingkat 1, Kementerian Perhubungan, di sini.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan Pengarah Pengangkutan Darat, Dr. Awang Haji Supry bin Haji

Awang Ladi menjelaskan, peraduan tersebut merupakan salah satu inisiatif di bawah projek peningkatan sistem pengangkutan awam yang sedang giat dilaksanakan oleh Kementerian Perhubungan melalui JPD.

Peraduan berkenaan katanya, dibukakan pada pertengahan tahun 2016 sebagai salah satu inisiatif untuk melibatkan penyertaan orang ramai dalam projek itu ke arah pembarigayaan JPD mengenai program-program dan inisiatif dalam projek peningkatan sistem pengangkutan awam.

"Sebanyak 112 penyertaan telah diterima, proses pemilihan pemenang telah melalui beberapa proses iaitu proses shortlisting oleh pihak yang terpilih dan dengan persetujuan dari

jawatankuasa pandu projek, sebelum corak dan warna yang terpilih dibukakan kepada orang ramai untuk diundi," ujarnya.

Sebanyak 10 corak dan warna disenarai pendek mengikut kriteria pemilihan yang ditetapkan. Melalui proses undian orang ramai yang telah diadakan pada bulan Julai 2016 yang menerima sebanyak 9,240 penyertaan undian diterima melalui media IT.

Johan pertandingan, Awang Muhammad Aliff ketika ditemui menjelaskan ini merupakan penyertaan kali pertama menyertai pertandingan seumpamanya oleh kerana minat dalam rekaan dan dorongan keluarga, di samping rasa ingin mencuba dan penuh keyakinan.

Beliau merasa bersyukur atas kejayaan yang telah diperolehnya.

Menurutnya lagi, ilham yang diperoleh selama tiga hari itu diperoleh dari beberapa aspek seperti warna dan corak yang diambil dari keempat daerah dan dari sanalah ilham untuk menggunakan beberapa warna dibuat secara peringkat dan dicampur dengan kain tradisional, iaitu Kain Jong Sarat. Dengan campuran ilham tambahnya, maka terbitlah satu corak dan warna sebuah bas yang akan digunakan di negara ini.

"Saya tidak menggunakan terlalu banyak corak dan warna kerana ia akan menjelaskan beberapa aspek untuk membentuk warna dan corak sesebuah bas," jelasnya.



# Rujuk pada yang pakar

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Hajah Siti Azizah binti Haji Musa semasa merasmikan Program Akademi Da'awah yang berlangsung di Bilik Al-Mauizzah, Bangunan Darul Huda, PDI.

**BERAKAS**, Ahad, 12 Februari. - Kita mempunyai institusi yang berautoriti sebagai tempat untuk merujuk

permasalahan agama khususnya mengenai hukum-hakam agama, iaitu Jabatan Mufti Kerajaan, di negara ini.



PARA Belia Da'ie dan orang awam yang mengikuti Akademi Da'wah tersebut.

Oleh itu, gunakanlah fatwa mufti dan irlsyad hukum sebagai rujukan dan jika hendak menggunakan kitab atau buku yang lain, eloklah terlebih dahulu dirujuk kepada yang pakar supaya tidak tersasar dalam menyampaikan dakwah.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Hajah Siti Azizah binti Haji Musa semasa menyampaikan ucapannya selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Program Akademi Dakwah yang berlangsung di Bilik Al-Mauizzah, Bangunan Darul Huda, PDI, di sini.

Terdahulu, beliau mengingatkan kepada belia da'ie yang bernaung di bawah PDI agar tidak terjebak dengan

ideologi menyesatkan yang boleh mengancam negara.

"Belia da'ie juga tidak seharusnya terpengaruh dengan aliran pemikiran liberal yang hanya berpaut pada logik akal semata-mata dan terperangkap dalam pembahasan agama secara terbuka di media-media sosial kerana kepelbagaiannya yang tidak terkendali boleh mengakibatkan keceleruhan dan kekeliruan yang akhirnya boleh membawa pada kesesatan," tambahnya lagi.

Oleh yang demikian, beliau menyeru kepada belia da'ie sebelum menyampaikan dakwah agar sentiasa merujuk pada kitab-kitab yang muktabar dan sahih serta menanamkan dalam diri tujuan berdakwah adalah untuk membawa kebaikan, keamanan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat, bukannya untuk mencari nama dan mengumpam masyarakat dengan kata-kata yang mengelirukan dan menyesatkan.

Program kelolaan Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan PDI melalui Unit Belia, Bahagian Penyebaran Dakwah itu adalah bagi para da'ie yang berdaftar di bawah Badan Sukarelawan Belia Da'ie juga orang awam yang telah berjaya menjalani proses temu duga yang telah diadakan pada bulan September tahun lalu.

Acara dimulakan dengan bacaan

surah Al-Fatiha beramai-ramai dan kemudiannya diteruskan dengan tetamu kehormat merasmikan Program Akademi Dakwah.

Program diadakan sebanyak dua kali sebulan bermula dari 12 Februari yang lalu sehingga 4 Jun nanti pada setiap Ahad, bertempat di Bilik Al-Mauizzah, Bangunan Darul Huda, PDI.

Akademi tersebut antara lain bertujuan untuk memberi ilmu dakwah kepada para da'ie secara teori dan praktikal yang akan ditarbiyah dan dibimbing secara berterusan oleh para *asatizah* serta diharapkan kelak, mampu memberi sumbangan dakwah kepada para belia di negara.

Seramai 48 peserta yang berjaya telah dipilih bagi mengikuti program tersebut, iaitu 38 orang daripada Ahli Badan Sukarelawan Belia Da'ie dan 10 daripada kalangan orang awam.

Tujuan program adalah bagi menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan cara dakwah yang betul mengikut *manhaj* dakwah yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, selain untuk melahirkan barisan pelapis Da'ie yang memahami *manhaj* dakwah secara komprehensif dan melaksanakan dakwah yang berseni untuk meneruskan *survival* dakwah para pendahulu Badan Sukarelawan Belia Da'ie.

## Program Titian Seni pamer karya pelukis tempatan



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan semasa menyaksikan pameran lukisan Titian Seni pelukis-pelukis tanah air di Bandarku Ceria.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Februari. - Dalam sama-sama menyokong kemeriahkan Program

Bandarku Ceria, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak ketinggalan memeriahkan program tersebut

dengan mengadakan Program Titian Seni bertempat di Dewan Balai Pameran, Perpustakaan DBP di ibu negara.

Program Titian Seni memperkenalkan karya-karya seni lukis tempatan di Negara Brunei Darussalam, yang mana ia satu simbolik ke arah mewujudkan laluan yang menghubungkan pertemuan dan merapatkan jalinan generasi muda dan veterani.

Semasai program tersebut berlangsung, pelbagai aktiviti turut dianjurkan antaranya Seni Khat Jawi, mewarna Bandarku Ceria, jualan dan pameran lukisan hasil anak seni tempatan.

Hadir merasmikan pameran lukisan tersebut ialah Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan.

Antara objektif utama Program Titian Seni itu diadakan ialah bagi menggalakkan pelukis-pelukis tempatan terus bergiat aktif, meningkatkan produktiviti, kuantiti dan kualiti di dalam menghasilkan karya seni lukis.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk melahirkan, mengetengahkan dan mencungkil bakat-bakat baru dalam kalangan individu yang berminat untuk berkecimpung dalam bidang seni lukis dan reka bentuk selain dapat menyerapkan konsep dan budaya, identiti kebruneian di dalam apa jua subjek, bentuk, gaya, cara, teknik dan daya kreativiti karya seni lukis.

Sementara itu, PELITA BRUNEI sempat meninjau aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh para pengunjung Bandarku Ceria.

Awang Asari bin Haji Jamil dan isterinya, Dayang Nuramanina binti Awang Mokti dari Kampung Masin berkata, beliau mengambil kesempatan di setiap Ahad jika tidak bertugas untuk membawa anak-anak mereka beriadah iaitu berbasikal di sekitar ibu negara.

Selain dapat meluangkan masa bersama keluarga ujarnya, melalui aktiviti seumpama ini juga akan dapat mengeratkan lagi silaturahim di kalangan masyarakat.

Manakala, bagi Dayang Nor



AKTIVITI membaca yang dikendalikan oleh Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.



PROGRAM Memupuk Budaya Membaca anjuran DBP dapat menarik minat ramai kanak-kanak.

# Kongsi pengalaman miliki rumah bersama BIBD

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Februari. - Lebih 50 orang peserta telah menyertai aktiviti 'Social Mixer' Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) yang diadakan di Pusat Pembiayaan Cawangan Kiulap, di sini.

Aktiviti tersebut merupakan kali kedua seumpamanya dianjurkan oleh BIBD untuk meletakkan kedudukannya sebagai pilihan pertama bagi penyelesaian pemilikan rumah yang mana siri pertama telah diadakan semasa Pameran BIBD Ke-9 pada bulan September tahun lalu.

Acara tersebut menghimpunkan pakar-pakar industri yang berkongsi pengalaman berharga mengenai cara untuk memiliki atau melabur bagi pemilikan rumah kepada semua peserta yang hadir.

Antara pakar-pakar industri yang hadir, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila

Jasa Awang Haji Abdul Rahman dari Arkitek Eco Bumi, Robin Cheok dari penyokong Cheok Fergus Lim Intanmas dan Aimi Ramlee dari Square Feet Asia.

Turut hadir, wakil-wakil pemborong yang mengadakan pameran bagi menarik peluang untuk memiliki rumah.

Untuk maklumat lanjut mengenai mana-mana perkhidmatan, produk dan promosi yang ditawarkan oleh pihak BIBD bolehlah mengikuti Instagram BIBD di **BIBDBRUNEI**; Laman Facebook di [www.facebook.com/bibdbrunei/](http://www.facebook.com/bibdbrunei/); atau menghubungi pusat panggilan BIBD di talian +673 2238181 dan mengunjungi cawangan BIBD yang berhampiran atau memuat turut aplikasi mudah alih BIBD yang popular untuk mendapatkan tempahan tawaran dan promosi BIBD di bawah ciri-ciri 'What's New'.



ANTARA pakar-pakar industri yang hadir, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman dari Arkitek Eco Bumi, Robin Cheok dari penyokong Cheok Fergus Lim Intanmas dan Aimi Ramlee dari Square Feet Asia.

## Tarbiah diri untuk peribadi lebih baik

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



CERAMAH Perdana disampaikan oleh penceramah undangan dari Malaysia, Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid (kiri) bersama penceramah tempatan, Penolong Pensyarah, UNISSA, Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Damit yang juga selaku Pengurus ceramah berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Februari. - Seramai 5,000 orang hadir bagi mendengarkan Ceramah Perdana yang merupakan salah satu siri aktiviti yang diadakan oleh Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) sempena Sambutan Jubli Perak Penuhbulan TAIB Ke-25 Tahun.

Antara yang hadir, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah TAIB, para pegawai dan kakitangan TAIB serta orang ramai.

Hadir menyampaikan Ceramah Perdana yang bertajuk 'Jutawan Akhirat' ialah penceramah undangan dari Malaysia, Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid untuk menyampaikan ceramah.

Inti pati ceramah Don Daniyal yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini pada Jumaat, 10 Februari antaranya menyentuh mengenai pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam selama 20 tahun sebagai seorang Ahli Perniagaan yang mampu menambat hati masyarakat di Mekah dalam penyampaian dakwah baginda pada zaman tersebut.

Beliau juga menjelaskan, untuk menjadi seorang 'Jutawan Akhirat' perlu dimulakan dengan mentarbilahkan diri sendiri terlebih dahulu untuk menjadi seorang insan yang mempunyai peribadi yang sangat baik.

Semasa Ceramah Perdana ini, penceramah tempatan, Penolong Pensyarah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Damit turut diundang bagi mempergerusikan ceramah berkenaan.

Ceramah tersebut diadakan bagi menyemai kesedaran mengenai perbezaan di antara pelan kewangan konvensional dan pelan kewangan Islam.

Tidak seperti pelan kewangan konvensional, pelan kewangan Islam memperkaya kewangan 'duniawi' dan

## Tanamkan sifat urus tadbir yang baik



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin (empat, kanan) ketika berucap pada penutup bengkel tiga hari ASEAN Serantau mengenai Praktis Persaingan Ekonomi.**

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Februari. - Penguatkuasaan undang-undang persaingan dapat mananamkan sifat urus tabdir yang baik, urus niaga yang adil dan jujur serta persaingan berdasarkan merit.

Perkara itu merupakan ramuan utama bagi menuju ke arah produktiviti yang tinggi dan pertumbuhan ekonomi yang sihat, jelas Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin semasa penutup bengkel tiga hari ASEAN Serantau mengenai Praktis Persaingan Ekonomi.

Dr. Hajah May mengakhiri ucapannya dengan harapan agar bengkel tersebut dapat memberi manfaat dan menambah nilai kapasiti institusi domestik dalam membangunkan "pemikiran ekonomi" dan berharap agar peserta dapat mengongsikan pengajaran-pengajaran yang diperoleh dari

bengkel kepada agensi masing-masing.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi (JPKE), bengkel tersebut diketuai oleh ahli ekonomi kanan dari Australian Competition and Consumer Commission (ACCC), New Zealand Commerce Commission (NZCC) dan Competition Commission of Singapore (CCS), bengkel mengongsikan pandangan

mengenai dengan konsep ekonomi dalam larangan-larangan utama undang-undang persaingan termasuk kartel, tipuan bida, penyalahgunaan posisi dominan dan pergabungan anti-persaingan.

Peserta diberikan pendedahan pada kes-kes sebenar dan bertukar pandangan mengenai cabaran-cabaran utama serta pilihan bagi mengaplikasikan pemikiran ekonomi dalam siasatan persaingan.

Ketika penutup bengkel serantau,

peserta memperakui bahawa walaupun bengkel direka bagi undang-undang persaingan, konsep-konsep ekonomi dan pengajaran yang diperoleh sepanjang bengkel juga dapat digunakan dalam pelbagai bidang dasar. Beberapa peralatan ekonomi yang dibincangkan seperti model ekonomi, analisis data dan bukti ekonomi adalah dapat digunakan dalam menilai fungsi pasaran ekonomi.

Bengkel diakhiri dengan penyampaian sijil oleh Dr. Hajah May dan Jennifer Orr, ahli ekonomi kanan dari ACCC kepada 35 pegawai kanan dari agensi-agensi kerajaan Brunei Darussalam dan agensi-agensi persaingan serantau.

Bengkel dianjurkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama ACCC, NZCC dan Sekretariat ASEAN, dengan sokongan dari ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area (AANZFTA) Competition Law Implementation Program (CLIP), bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong dari 7 hingga 9 Februari 2017.

'ukhrawi', justeru itu, tajuk ceramah dipilih khas oleh TAIB.

Dalam pada itu, sebagai institusi kewangan, TAIB komited

menyumbangkan aktiviti seumpamanya sebagai tanggungjawab sosial korporat dalam pendidikan melalui program ini.

TAIB juga ingin berkongsi inspirasi dengan menyumbang pada pembangunan negara melalui visi Wawasan Brunei 2035.

# Perpustakaan Islam Brunei Darussalam pusat sumber maklumat Islam sejagat



**P**ERPUSTAKAAN Islam Brunei Darussalam adalah sebuah perpustakaan awam Islam untuk dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat yang bukan hanya terhad kepada pelajar-pelajar sahaja. Ini adalah sejarah dengan wawasan Perpustakaan Islam Brunei Darussalam (PIB) ke arah menjadi Pusat Sumber Maklumat Islam yang Lengkap dan Bermanfaat kepada Umat Islam Sejagat selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 ke arah rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

## MISI DAN PERANAN PIB

Bagi mencapai misinya untuk menjadi sebuah pusat rujukan dan penyelidikan dalam berbagai-bagi disiplin ilmu dan maklumat Islam yang komprehensif, PIB telah menyediakan kaedah dan perancangan, di samping berusaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang sedia ada pada yang lebih bersifat holistik untuk menonjolkan urus tadbir yang baik (*good governance*) dan turut sama beralih ke alam digital.

PIB memainkan peranan penting dalam mengumpul, mengembang dan menyebarluaskan ilmu pengetahuan Islam dalam pelbagai bahasa, aliran dan mazhab dari seluruh dunia. Ini adalah dihasratkan untuk kemanfaatan, kemaslahatan, kebijakan dan kemajuan umat Muslimin seluruhnya.

## KOLEKSI

Setakat ini, PIB mempunyai lebih 231,000 buah koleksi buku, di mana 80% daripada buku tersebut dalam bahasa Arab dan 20% lagi dalam bahasa Urdu, Cina, Thailand dan lain-lain lagi.



PERPUSTAKAAN Islam Brunei Darussalam juga menjadi kunjungan orang ramai untuk mencari bahan rujukan.

Buku-buku tersebut dibeli dari Negeri Mesir, Jordan, Pakistan, United Kingdom, Malaysia, Indonesia, Thailand dan lain-lain lagi sejak tahun 1995.

Buku-buku koleksi PIB ditempatkan di Lantai Bawah, Lantai Satu dan Lantai Dua. Di aras Lantai Bawah menempatkan buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Tafsir dan Ulum Tafsir, Hadis dan Ulum Hadis. Di Aras Satu memtempatkan buku-buku Koleksi Akidah, Koleksi Fiqh Empat Mazhab, iaitu Syafii, Hanafi, Maliki dan Hambali juga Koleksi Islamiat. Sementara aras dua menempatkan Koleksi Fatwa Antara Bangsa, Koleksi Bruneiana, Koleksi Jurnal, Koleksi Rujukan, Koleksi-koleksi Am, Koleksi Multimedia, yang mana juga disediakan alat pandang dengan untuk kemudahan pengguna, koleksi majalah dan surat khabar. Di aras ini juga menyediakan satu seksyen Mini Perpustakaan Kanak-Kanak yang mengandungi koleksi buku-buku cerita dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab juga buku-buku pendidikan awal kanak-kanak dan sebagainya.

Di aras yang sama juga menyediakan Koleksi Terhad yang disimpan di sebuah bilik khusus, di mana buku-bukunya adalah terdiri daripada *special collection* seperti Kitab-kitab Turath, buku-buku Nadir, buku-buku yang tidak dibenarkan penyebarannya, tesis dan lain-lain yang hanya dibenarkan untuk rujukan di bilik tersebut sahaja.

PIB juga menawarkan pelbagai bahan-bahan rujukan di dalam bentuk digital. Digital bermaksud bahan ini telah ditukarkan ke dalam



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menyaksikan Mesin Tingkap Pemulangan (Book Drop Window).

bentuk elektronik, di mana ia boleh dibaca atau diakses melalui atas talian ataupun media elektronik. Antara buku-buku yang boleh diakses seperti Himpunan Fatwa, Bersama Mufti, buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan dan Koleksi Turath terutamanya di kawasan yang disifatkan banyak digunakan oleh kebanyakan penggunanya, sekali gus meningkatkan dan menyediakan perkhidmatan mudah diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa.

## KELAYAKAN DAN KEAHLIAN PERPUSTAKAAN

Untuk menjadi ahli perpustakaan dibahagikan pada tiga kategori berikut :

### KATEGORI KEAHLIAN AHLI PERPUSTAKAAN WANG CAGARAN YURAN TAHUNAN

- A. Pegawai dan Kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan
- B. Ahli Biasa (Awam) BND 100.00 BND 20.00
- C. Pelajar BND 30.00 BND 10.00

Ahli perpustakaan dibenarkan untuk meminjam sebanyak 15 buah buku setiap seorang dalam tempoh dua minggu dan boleh dilanjutkan kecuali jika buku-buku tersebut ada reservasi atau tempahan daripada ahli perpustakaan yang lain.

### SISTEM PINJAMAN DAN PEMULANGAN

Dalam menaik taraf sistem perpustakaan PIB mula mengorak langkah pada mengautomasikan perkhidmatan perpustakaan yang bertujuan untuk memudahkan para pengguna.

Sistem peminjaman boleh dilakukan melalui Peminjaman Layan Diri (Self-Check Out Book)

yang terletak di Aras Lantai Bawah, sementara pemulangan buku-buku melalui Mesin Tingkap Pemulangan (Book Drop Window) yang terletak di kawasan luar PIB.

### KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

PIB telah menyediakan kemudahan Katalog Atas Talian (Online Public Access Catalog / OPAC) di setiap aras perpustakaan untuk diakses oleh para pengguna secara atas talian untuk memastikan kedudukan buku, availability dan sebagainya.

Di samping itu, PIB juga menyediakan Perkhidmatan Salinan Foto secara layan diri yang disediakan di Lantai Utama. Kad Perkhidmatan Salinan Foto boleh dibeli di Kaunter Peminjaman dan Perkhidmatan Pengguna dengan harga BND12 (200 salinan).

Untuk memudahkan usaha membuat sebarang kajian dan pembelajaran, PIB menyediakan ruang bacaan yang selesa dan sesuai untuk pengguna-penggunanya, seperti Ruang Bacaan Terbuka yang disediakan di setiap lantai bagi pengguna lelaki dan perempuan.

Ruang Bacaan Ringan yang terletak di Aras Dua adalah khusus untuk membaca surat khabar dan bahan bacaan ringan sahaja. Sementara bilik perbincangan adalah untuk para pelajar atau

sesiapa sahaja pengguna yang berdaftar untuk melakukan perbincangan secara berkumpulan. Bilik ini boleh ditempah melalui portal PIB atau di Kaunter Utama PIB dan terletak di lantai dua.

Bilik Bacaan Persendirian pula khusus untuk seorang pengguna sahaja yang inginkan suasana bacaan bersendirian. Bilik ini ditempatkan di lantai dua juga boleh ditempah melalui portal PIB atau di Kaunter Utama PIB.

Pengguna-pengguna yang berdaftar adalah dibenarkan untuk dan melayari laman sesawang yang disediakan oleh PIB ini dan hanya diberikan masa satu jam sahaja. Jika ingin memanjangkan masa bolehlah maklumkan di kaunter utama PIB dan tergantung jika tidak ada pengguna lain menggunakan E-Database.

### WAKTU PERPUSTAKAAN

PIB dibuka pada setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari dan pada sebelah petang pula bermula jam 2.00 petang hingga jam 4.00 petang. Kaunter akan ditutup 15 minit sebelum waktu perpustakaan berakhir.

Bagi sebarang pertanyaan mengenainya bolehlah menghubungi talian : +6732224955 / +673 2224956. Di samping itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang PIB, iaitu <https://www.pib.gov.bn>, Facebook - <https://www.facebook.com/pibdjmk> dan Instagram @pibdjmk.

# Ristaan Sejarah II : Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam

Oleh : Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Pengiran Haji Abdul Rahman dengan kerjasama Meja Kandungan Khas Pelita Brunei

**D**ALAM usaha untuk menaikkan Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam menjadi sebuah Universiti Islam menerusi kerjasama dengan Universiti Al-Azhar, Mesir, pemikiran dan perancangan juga telah timbul pada tahun 1997 - 1998 untuk mencantumkan Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam yang pada masa itu berada di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Profesor Dato Paduka Seri Setia Dr. Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman telah turut memainkan peranan penting dalam proses percantuman tersebut di mana beliau telah dilantik menjadi 'Ahli Jawatankuasa Profesional' bersama-sama dengan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Abu Bakar bin Haji Apong (pada masa itu sebagai Naib Canselor UBD).

Dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rancangan percantuman itu telah berjaya

dilaksanakan apabila Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam dicantumkan dengan Fakulti Pengajian Islam, UBD pada 1 Muhamarram 1420H bersamaan 17 April 1999M yang dikenali dengan nama baharunya, iaitu Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, UBD.

Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam dalam proses perpindahannya ke UBD dari Bangunan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong telah difikirkan lebih awal kesempurnaannya, seperti untuk menempatkan bilik-bilik kuliah, bilik dekan, bilik timbalan dekan, bilik-bilik pensyarah, bilik pentadbiran, asrama pelajar lelaki dan wanita. Untuk tujuan ini sebuah bangunan baharu tiga tingkat telah didirikan dalam Kampus UBD. Bentuk bangunan ini sederhana cantik dan mencukupi bagi memenuhi keperluan di atas, kecuali asrama lelaki dan perempuan akan bercampur dengan pelajar lelaki dan perempuan lainnya di UBD.

Menteri Hal Ehwal Ugama ketika itu, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Paduka Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, ketika menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat di Majlis Doa Selamat dan Kesukuran Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien menduduki bangunan baharu di Kampus UBD pada 19 April 2000 antara lain mengatakan :

"Institut Pengajian Islam ini mendukung falsafah dan matlamat untuk meninggi dan

memperdalamkan ilmu pengetahuan Islam di kalangan para pelajarnya supaya dapat menjadi alim ulama yang berwibawa, dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam berbagai-bagi bidang ilmu pengetahuan Islam, supaya berupaya dan menjadi contoh teladan yang baik serta sanggup berbuat dan berbakti kepada ummah sebagai penggerak dan pembimbing ummah ke arah penghayatan Islam dengan ikhlasnya serta mampu mempertahankan dan membela Islam berpandukan ajaran Islam, yang amanah, bertanggungjawab sebagai pewaris para anbia' untuk meninggikan kalimah Allah." (Haji Mohd. Salleh bin Abdul Latif, 2004 : 194).

Walaupun berlaku percantuman dua institusi pendidikan tersebut, namun kurikulum dan *syllabus* Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam yang 'asal' tidaklah banyak terjejas. Keasliannya yang mirip Al-Azhar masih dapat dipertahankan. Ini ialah kerana negara inginkan ketulenan pengajian Islam yang dipelajari dalam bahasa Arab. Syarat-syarat pengambilan kemasukan pelajar juga dibuat dengan berhati-hati mengikut syarat-syarat pengajian tinggi. Dalam pada itu, pengambilan tenaga akademik juga adalah terdiri daripada mereka yang berkelayakan yang lazimnya pemegang Ijazah Ph.D., dan ada yang ber pangkat Profesor Madya.

Serentak dengan itu, selang lebih sebulan kemudinya, Profesor Dato Paduka Seri Setia Dr. Haji Mahmud Saedon telah diperkenankan untuk dilantik menjadi Naib Canselor UBD, di samping tugas beliau sebagai Pakar Perundangan Islam dan Pengarah Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Berikutnya beliau juga telah diperkenankan menjadi 'Profesor Syariah' di Jabatan Syariah, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien.

Profesor Dato Paduka Seri Setia Dr. Haji Mahmud Saedon bukan sahaja menjadi salah seorang pengasas pada penuhungan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, malahan juga memberikan perhatian besar kepada program-program yang berjalan di institut tersebut. Ini sesuai dengan pengalaman yang beliau perolehi pernah berkhidmat di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia dan beliau sendiri terdidik dan pakar dalam perundangan Islam.

Dengan kebijaksanaan beliau menangani masalah percantuman dan menangani proses peralihan tersebut serta kedudukan beliau sebagai Naib Canselor UBD, telah membolehkan banyak perkara dapat diselesaikan dengan mudah dan lebih cepat daripada tempoh masa yang jangkakan. Antaranya ialah pelajar-pelajar Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien telah dapat menerima Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin dan Syariah) dan Sarjana Muda Bahasa Arab pada Konvokesyen Ke-12 bagi Sesi 2000 / 2001 (iaitu satu tahun selepas percantuman).

Dapat dikatakan bahawa tahun tersebut adalah tahun bersejarah bukan sahaja bagi institut yang baru ditubuhkan itu dan bagi UBD, malah juga bagi Negara Brunei Darussalam sendiri kerana buat pertama kali ia pengajian tinggi di negara ini berjaya mengeluarkan ijazah dalam bidang Pengajian Islam dan bahasa Arab di peringkat Sarjana Muda.

Ini satu lembaran baharu yang mungkin banyak orang tidak menyedari, tetapi jika direnung dengan mendalam ia adalah satu pencapaian yang baik yang telah lama ditunggu-tunggu, di mana negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya dan Melayu Islam Beraja sebagai falsafahnya, telah berkeupayaan mengeluarkan ijazah tingginya sedemikian rupa. Dalam pada itu, elok juga dicatatkan bahawa seorang graduan telah menerima Ijazah Sarjana Pengajian Islam pada Konvokesyen Ke-11 pada tahun 1999 yang



merupakan program dari Fakulti Pengajian Islam, UBD sebelum percantuman berlaku.

Sehubungan itu, pemegang Diploma Pengajian Islam (dari Institut Pengajian Islam - sebelum percantuman) yang biasanya dihantar atas dermaswira Kerajaan Brunei melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama ke Universiti Al-Azhar, Mesir bagi terus memasuki Tahun Empat dan menerima ijazah di sana, telah ditiadakan, kerana mereka boleh meneruskan pengajian di Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien seterusnya menerima ijazah apabila tamat dari UBD. Peluang ini telah dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh pemegang Diploma Pengajian Islam untuk memperolehi ijazah di UBD. Walau bagaimanapun, tradisi penghantaran ke Universiti Al-Azhar bagi pemegang Sijil Tertinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) masih dianggap perlu dan diteruskan.

Perkembangan ini sebenarnya adalah satu kemajuan yang membanggakan. Lebih-lebih lagi bahasa pengantar di institut tersebut bagi pengajian Islam adalah dalam bahasa Arab yang tidak banyak institusi pengajian Islam di rantau ini sanggup melaksanakannya. Usaha selanjutnya di institut tersebut, ialah memperkuuh ilmu dan penggunaan bahasa Arab supaya lebih mantap dan dihormati oleh lain-lain institusi pengajian tinggi seumpamanya.

Kemajuan lain yang dicapai ialah pada tahun 2000, Profesor Dato Paduka Seri Setia Dr. Haji Mahmud Saedon telah memperkenalkan Program Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syar'ie dan dijalankan dalam bahasa Melayu. Cadangan tersebut telah mendapat persetujuan semua pihak dengan pihak yang mengendalikannya, ialah Jabatan Syariah, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien. Sebuah Lembaga telah ditubuhkan, iaitu Lembaga Pengajian Program Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syar'ie, yang mana beliau selaku Naib Canselor menjadi Pengerusinya. Program ini telah memulakan pengajian pada bulan Ogos 2000 dengan pengambil peserta seramai 33 orang.

Peserta program ini adalah terdiri daripada pemegang Ijazah LL.B atau Ijazah B.A. Pengajian Islam dalam bidang Syariah atau yang sebandingnya. Ramai dari peserta program tersebut adalah pengamal undang-undang di Kementerian Hal Ehwal Ugama, pejabat Peguam Negara, atau para peguam dari syarikat guaman swasta. Profesor Dato sendiri merupakan salah seorang tenaga pengajarnya. Kumpulan pertama program ini telah berjaya menamatkan kursus mereka (selama 2 tahun secara separuh masa) dan telah menerima diploma mereka yang dianugerahkan dalam Konvokesyen yang Ke-14 UBD pada 7 September 2002.

**Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Institute of Islamic Studies**

**Handbook 2004 - 2005**

# Pendekatan alternatif pengajaran dan pembelajaran Matematik



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Dk. Nur Hafilah  
Pg. Osman

**TUNGKU LINK**, Sabtu, 11 Februari. - Seramai 30 peserta terdiri daripada guru-guru sekolah Arab senegara berjaya menamatkan Kursus dan Bengkel Perkembangan Kemahiran Pembelajaran dan Pengajaran Matematik bagi Guru-Guru Matematik Sekolah Arab 2017.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup kursus dan bengkel yang berlangsung di Bilik 2.77, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (IPSHB), Universiti Brunei Darussalam, ialah Pemangku Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam (JPI) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Kursus dan bengkel selama empat hari yang bermula 7 Februari 2017 itu dikendalikan oleh Pensyarah UBD, Awang Mohammad Khairul Amilin bin Haji Tengah selaku fasilitator.

Antara lain, kursus dan bengkel tersebut bertujuan untuk melengkapkan para guru berkenna dengan kemahiran Matematik yang baik, di samping menggalakkan pendekatan alternatif pengajaran dan pembelajaran Matematik dalam topik-topik yang tertentu.



PEMANGKU Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam (JPI) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada para peserta yang mengikuti Kursus dan Bengkel Perkembangan Kemahiran Pembelajaran dan Pengajaran Matematik bagi Guru-Guru Matematik Sekolah Arab 2017 (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar kiri, tetamu kehormat bergambar ramai bersama peserta bengkel.

## Kempen Dudun Bahasa menyusur ke Sekolah Rendah Panglima



prasekolah sehingga Tahun 6 Sekolah Rendah Panglima Barudin Limau Manis menyertai Kempen Dudun Bahasa yang berlangsung di dewan sekolah berkenna, di sini.

Acara dimulakan dengan taklimat ringkas yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Pembinaan dan Pembangunan Bahasa DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak, yang kemudian mangajukan soalan Kuiz Spontan mengenai bahasa Melayu kepada para pelajar.

Majlis juga diserikan lagi dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik seperti Cambah Kata, Sambung-Sambung, Junjung Dialek (carian kamus), Buana Ria, Buana Kata, Sahiba Jawi serta jualan buku dari Bahagian Pemasaran, DBP.

Dayang Hajah Sariani ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan, majlis tersebut antara lain diadakan sebagai salah satu daripada inisiatif DBP dalam meraikan Bulan Bahasa yang disambut di negara ini setiap tahun pada bulan Julai.

"Alhamdulillah, sambutan dari pihak sekolah sangat menggalakkan malahan ada juga pihak sekolah yang lain menjemput DBP untuk menjalankan aktiviti yang sama di sekolah mereka," jelasnya lagi.

KETUA Bahagian Pembinaan dan Pembangunan Bahasa DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak menyampaikan taklimat ringkas semasa Kempen Dudun Bahasa yang diadakan di Sekolah Rendah Panglima Barudin Limau Manis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terus bergerak aktif mengatur strategi untuk mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu

dengan meneruskan lagi Kempen Dudun Bahasa ke sekolah-sekolah rendah di seluruh negara.

Sehubungan itu, lebih 100 pelajar terdiri daripada pelajar kelas

Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Beliau menambah, pada tahun ini sahaja DBP sudah mengunjungi tiga buah sekolah rendah di negara ini dan

seterusnya akan meneruskan kempen seumpamanya di Sekolah Rendah Penanjang pada 25 Februari ini.

## Pendaftaran keputusan SSSRU melalui SMS belum dibuka

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 11 Februari. - Berikut dengan tersebarnya teks pesanan ringkas melalui media sosial mengenai pendaftaran bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Darjah VI Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masih melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei dengan ini memaklumkan bahawa pendaftaran melalui SMS belum lagi dibuka.

Sebarang maklumat berkaitan dengan pendaftaran keputusan tersebut akan diumumkan melalui saluran media-media rasmi.

Dalam hubungan itu, orang ramai diminta untuk tidak menyebarkan maklumat yang tidak sahih dan boleh mengelirukan orang ramai.

# 'Bendera Negara' bawa tuah pada Kumpulan Koir Citra Alunan, Mukim Bangar

Oleh : Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**TEMBURONG**, Sabtu, 11 Februari. - Sebagai salah satu strategi untuk sama-sama membarigakan hari-hari kebesaran negara, di samping menanamkan semangat patriotik dalam kalangan semua peringkat masyarakat, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong menganjurkan Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017 yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad yang juga menyampaikan hadiah kepada peserta pertandingan.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; pegawai-pegawai kanan kerajaan; Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Temburong.

Pada majlis itu, Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah

Noorashidah binti Haji Aliomar selaku Pengerusi Bersama pertandingan tersebut bagi daerah ini dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, pertandingan tersebut merupakan kali kedua diadakan dan dibukakan kepada penduduk mukim di seluruh negara.

Tambahnya, pengajuran pertandingan ini diharap dapat menjadi landasan dalam mencungkil dan menggilap bakat dalam kalangan penduduk mukim dan kampung serta menyemai semangat daya saing dan membina keyakinan diri.

Sementara objektif utama Jabatan Penerangan mengendalikan pertandingan tersebut katanya, adalah untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan penduduk mukim dan kampung melalui lagu-lagu patriotik yang dipertandingkan.

Terdahulu, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' dinyanyikan secara beramai-ramai.

Majlis juga diserikan dengan persembahan koir jemputan daripada



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (empat, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan tersebut.

Kumpulan Koir Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok yang mempersembahkan lagu 'Tanah Airku'.

Pada pertandingan itu, Kumpulan Koir Citra Alunan dari Mukim Bangar dengan lagu 'Bendera Negara' muncul juara dan berjaya merangkul hadiah wang tunai berjumlah BND1,500 dan sijil penyertaan.

Naib juara, disandang oleh Kumpulan Koir Seri Labu mewakili Mukim Labu dengan lagu 'Tekad

Kemerdekaan' yang membawa pulang wang tunai BND1,300 dan sijil penyertaan, sementara pemenang ketiga disandang oleh Kumpulan Nurmubok mewakili Mukim Bokok dengan lagu 'Berkibarlah Bendera' yang membawa pulang wang tunai BND1,000 dan sijil penyertaan.

Manakala dua kumpulan lagi, iaitu Kumpulan Mukim Batu Apoi wakil Mukim Batu Apoi dan Kumpulan Nur Islam mewakili Mukim Amo masing-masing mendapat hadiah sagu

hati dan membawa pulang wang tunai bernilai BND500 berserta sijil penyertaan.

Pertandingan antara lain bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan penduduk mukim dan kampung, selain menjadi platform bagi penyanyi berkumpulan untuk terus berkarya selain dapat mengisi ruang dan peluang dalam program-program seperti Pentarama atau seumpamanya yang dianjurkan oleh jabatan berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama-sama johor Pertandingan Koir yang disandang oleh Kumpulan Koir Citra Alunan dari Mukim Bangar, naib johor Kumpulan Koir Seri Labu dan tempat ketiga Kumpulan Nurmubok dari Mukim Bokok.

## Al-Quran sumber semua ilmu

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**GADONG**, Sabtu, 11 Februari. - Al-Quran adalah sumber kepada semua ilmu, oleh itu membaca Al-Quran perlu diamalkan.

Perkara tersebut antara intipati Ceramah Khas yang disampaikan oleh penceramah jemputan dari Malaysia, Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid

pada Majlis Ceramah Khas 'Iman, Cinta dan Taqwa' yang berlangsung di Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Menurutnya, salah satu tanda bentuk taqwa adalah beramal dengan Al-Quran seperti mengamalkan pembacaan Al-Quran.

Di samping itu, beliau juga menjelaskan mengenai perlunya menanamkan sifat tolong-menolong untuk membantu mereka yang dalam kesusahan.

Pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terangnya, tidak ada orang yang susah yang meminta sedekah.

Ini katanya, kerana pada zaman tersebut orang suka bersedekah dan menolong orang yang dalam kesusahan.

Ceramah Khas tersebut dianjurkan oleh Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) sempena Sambutan Jublie Penubuhan TAIB yang Ke-25.

Juga hadir, Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; pegawai-pegawai kanan TAIB dan UNISSA; pensyarah-pensyarah dan mahasiswa universiti berkenaan.

Dalam temu bual bersama salah seorang mahasiswa universiti berkenaan, Dayang Syazana binti Hussain berpendapat, ceramah tersebut memberikan kesedaran, di mana kita kadang-kadang tidak tahu untuk mencari sebuah jawapan, tapi lupa semua sebenarnya sudah diterangkan dalam Al-Quran.

Tambahnya, Allah bukan saja



CERAMAH Khas disampaikan oleh penceramah jemputan dari Malaysia, Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid.

menyuruh kita belajar untuk akhirat, bahkan belajar Matematik, Sains yang ada disebut di dalam Al-Quran.

Menurutnya, dengan adanya taqwa kepada Allah insyaaAllah akan dipermudahkan segala urusan dan mendapat jawapan yang diminta, sesuai dengan ayat Al-Quran 'wattaqullah wa yu'allimukumullah'.


